

# AJK Gerakan Pengguna Siswa UMSKAL berkampung di Pulau Mabul

NST 4-4-2014 II

LABUAN: Seramai 45 pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan mengadakan aktiviti 'Angamad Camp At Mabul' Semporna selama empat hari bermula hari ini.

Mereka yang terdiri daripada 18 pelajar lelaki dan 27 perempuan itu merupakan Ahli Jawatankuasa (AJK) Gerakan Pengguna Siswa (GPS) UMSKAL.

Program yang bertemakan 'Study While Relaxing' di Pulau Mabul itu dianjurkan GPS dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Wilayah Persekutuan Labuan.

Majlis pelancaran program itu disempurnakan bersama oleh Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal yang mewakili Pengarah, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan Pemangku Pengarah KPDNKK Labuan, Aslani Dabi.

Persembahan tarian tempatan Semporna oleh AJK Gerakan Pengguna Siswa yang diketuai oleh Pen-

garah Program, Siti Khadizah Omar menyertakan lagi majlis perasmian yang diadakan di ruang legar universiti.

Turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Penolong Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Fadzli Sarudi dan Penyelaras Program, Haneffa Mukhlis Ghazali.

Gerakan Pengguna Siswa merupakan kelab di bawah KPDNKK yang ditubuhkan di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk di UMS Labuan untuk menjalankan aktiviti dan program kepenggunaan.

Sementara itu, menurut Haneffa, program itu bertujuan untuk mendedahkan hak-hak kepenggunaan kepada pelajar yang juga merupakan seorang pengguna.

Selain itu, katanya, untuk mendedahkan budaya dan adat tempatan di daerah Semporna termasuk kebudayaan, makanan dan pakaian masyarakat Semporna kepada pelajar UMSKAL khasnya yang berasal dari Semenanjung, Sarawak dan



AJK ... Dr Geoffrey (lima kanan) dan Aslani (empat kanan) bersama AJK Gerakan Pengguna Siswa UMSKAL yang mengadakan program pendidikan di Pulau Mabul.

Wilayah Persekutuan Labuan selain Sabah.

"Melalui program itu pelajar akan didedahkan kepada aspek kepimpinan, disiplin dan kerjasama serta komunikasi selain mampu mengeratkan hubungan sesama mereka," katanya.

Sementara itu, Dr Geoffrey menasihatkan pelajar supaya sentiasa menjaga imej dan nama baik universiti tatkala berada di tempat orang khasnya di daerah Sempor-

na.

Katanya, sebagai duta kecil UMSKAL dan Wilayah Persekutuan Labuan amnya, mereka berpeluang untuk mempromosikan mengenai peluang pendidikan di UMSKAL dan keindahan serta kecantikan di pulau Labuan kepada masyarakat di Semporna.

"Gunakan kesempatan terluang seperti itu untuk mempromosikan UMSKAL dan Wilayah Persekutuan Labuan kepada masyarakat

Semporna," katanya.

Turut menjayakan program itu ialah Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Uncle Chang Resort serta pemimpin dan individu yang membantu dari segi kewangan.

Dr Geoffrey turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang membantu menjayakan program tersebut. -OLEH: JAINUDIN DJIMIN ([jainudin@news-abahtimes.com.my](mailto:jainudin@news-abahtimes.com.my))